



UNTUK SIARAN SEGERA

12 JULAI 2025

## ECRL MELAKAR KEMAJUAN MENERUSI PENEMBUSAN TEROWONG GENTING SEPANJANG 16.39KM

*Penembusan Terowong Genting menandakan penyempurnaan kerja-kerja pengorekan bagi kesemua 41 terowong ECRL*

**Kuala Lumpur, 12 Julai 2025** – Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) mencatat satu lagi pencapaian kejuruteraan yang besar dengan penyempurnaan Terowong Genting sepanjang 16.39 kilometer. Ini secara rasmi menandakan penyempurnaan kerja-kerja pengorekan terowong terakhir di jajaran sepanjang 665 kilometer yang menghubungkan Kota Bharu, Kelantan dengan Pelabuhan Klang, Selangor.

Terowong Genting bukan sahaja merupakan terowong terpanjang dalam jajaran ECRL, malah kini secara rasmi diiktiraf sebagai **terowong rel terpanjang di Malaysia**. Pengiktirafan ini telah disahkan oleh **The Malaysia Book of Records** (MBOR) yang mengesahkan dua pencapaian luar biasa Terowong Genting, iaitu:

- **Terowong Rel Terpanjang di Malaysia** sepanjang 16.39 kilometer, dan
- **Terowong Rel Dengan Puncak Tertinggi (*Highest Overburden*) di Malaysia**, terletak di bawah kawasan pergunungan setinggi lebih **750 meter**.

Terowong Genting sepanjang 16.39 kilometer dijangka bakal menjadi terowong rel terpanjang di Asia Tenggara apabila siap sepenuhnya.

Terowong Genting yang terletak di Banjaran Titiwangsa merupakan antara struktur paling mencabar dari sudut kejuruteraan daripada kesemua 41 terowong yang dibina di sepanjang laluan ECRL. Kerja penembusan terakhir dicapai pada jarak kira-kira 10.8 kilometer dari pintu masuk terowong, sekali gus melengkapkan jarak keseluruhan terowong sepanjang 16.39 kilometer. Pembinaan terowong ini menggunakan kaedah hibrid yang menggabungkan Mesin Pengorek Terowong (TBM) serta teknik gerudi dan letupan, sesuai dengan keadaan geologi yang pelbagai dan sangat kompleks di kawasan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Dato' Sri Darwis Abdul Razak menyatakan bahawa kejayaan menembusi Terowong Genting sepanjang 16.39 kilometer mengikut jadual merupakan satu pencapaian besar. Ini kerana pasukan Projek ECRL terpaksa berdepan dengan keadaan geologi yang sangat mencabar ketika menjalankan



kerja pengorekan melalui kawasan Banjaran Titiwangsa yang berbukit-bukau, dengan menggunakan gabungan kaedah TBM serta teknik gerudi dan letupan.

“Penembusan Terowong Genting turut menandakan penyempurnaan kerja-kerja pengorekan bagi kesemua 41 terowong ECRL di sepanjang jajaran 665 kilometer itu. Pencapaian ini mencerminkan kerjasama erat dan dedikasi yang tinggi daripada semua kakitangan ECRL di setiap peringkat dalam melaksanakan kerja-kerja pengorekan dengan perancangan teliti dan pematuhan protokol keselamatan yang ketat,” jelas beliau.

Dato’ Sri Darwis turut menjelaskan bahawa pembinaan Terowong Genting sepanjang 16.39 km, yang disahkan sebagai terowong rel terpanjang oleh Malaysia Book of Records (MBOR) hari ini, merupakan salah satu komponen penting untuk Projek ECRL. Ia menjadi pelengkap kepada jambatan darat ECRL yang menghubungkan Pelabuhan Kuantan di Pantai Timur dengan Pelabuhan Klang di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

“Kami yakin bahawa jambatan darat ECRL bakal memacu perdagangan antarabangsa dan merangsang industri berorientasikan eksport, kerana ia akan membantu memudahkan pengangkutan barang yang lancar dengan sambungan terakhir antara Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Klang. ECRL juga akan memendekkan masa perjalanan kerana ia bakal menghubungkan penumpang dari negeri-negeri Pantai Timur terus ke Terminal Bersepadu Gombak, yang merupakan pintu masuk utama ke ibu negara,” tambah beliau lagi.

Dengan penyempurnaan semua kerja pengorekan terowong, projek ECRL kini memasuki fasa seterusnya, yang merangkumi kerja-kerja pemasangan landasan, sistem elektrik, isyarat, komunikasi, serta kerja kelengkapan dalaman stesen. Semua kerja terus berjalan mengikut jadual dan selari dengan perancangan induk projek.

“Ini adalah detik yang membanggakan untuk semua yang terlibat dalam projek ECRL,” kata Pengarah Urusan China Communications Construction (ECRL) Sdn Bhd (CCCECRL), Deng Bo. “Ketepatan dan keupayaan Mesin Pengorek Terowong kami, yang merupakan antara yang terbesar pernah digunakan di rantau ini, digabungkan dengan kesungguhan serta profesionalisme para jurutera, pekerja, dan rakan kami di Malaysia telah berjaya merealisasikan kejayaan ini. Di sebalik setiap mesin yang hebat, sentiasa ada pasukan yang lebih hebat.”

Projek ECRL dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung 2026. Perkhidmatan penumpang akan dimulakan secara berfasa mulai Januari 2027, dengan bahagian



pertama yang menghubungkan Kota Bharu di Kelantan dengan Gombak di Selangor. Setelah beroperasi, jajaran ini akan mengurangkan masa perjalanan antara Kota Bharu dan Kuala Lumpur kepada kira-kira empat jam, sekali gus menawarkan pilihan pengangkutan yang lebih pantas, selamat dan efisien kepada rakyat Malaysia.

-TAMAT-

---

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**MRL**

**Yong Min Wei**

Tel: 012 386 6123

Email: [mwyong@mrl.com.my](mailto:mwyong@mrl.com.my)

**Ani Azureen Zainuddin**

Tel: 013 361 5546

Email: [azureen@mrl.com.my](mailto:azureen@mrl.com.my)

**Puteri Hadeeja Sofea Hasbullah**

Tel: 017 333 7775

Email: [hadeeja.sofea@mrl.com.my](mailto:hadeeja.sofea@mrl.com.my)

**CCCECRL**

**Grace Cheng**

Tel: 012 202 7822

Email: [bycheng@cccecrl.com](mailto:bycheng@cccecrl.com)

**Theresa Lam**

Tel: 018 201 3830

Email: [theresa.lam@sprg.com.my](mailto:theresa.lam@sprg.com.my)

**Kua Mei Wen**

Tel: 016 988 3557

Email: [meiwen.kua@sprg.com.my](mailto:meiwen.kua@sprg.com.my)